

Kanak-kanak dialu-alukan kunjungi aktiviti interaktif

Oleh : Nur Faizzah Nawang
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 Februari. - Orang ramai khususnya ibu bapa, penjaja dan kanak-kanak adalah dialu-alukan untuk hadir mengunjungi acara istimewa yang sangat interaktif di Qidiaku, Tingkat 1, Citis Square Mall pada hari Ahad, 15 Februari 2015 mulai 1.00 hingga 3.00 petang dengan bayaran sebanyak BND20 bagi setiap seorang anak bersama seorang penjaja.

Dengan bertemakan 'Healthy Kids, Mudskippers & More' acara tersebut dikendalikan dengan kerjasama Eustolia Marketing Services Sendirian Berhad dan Raw Food Asia serta pasukan kosensitif.

Pada hari tersebut, para pengunjung akan berpeluang berinteraksi secara langsung melalui 'Skype' bersama pemegang anugerah penulis dari Amerika, Karen Ranzi.

Anugerah pemegang penulis Amerika itu telah menerbitkan beberapa buah buku berjudul 'Creating Healthy Children' yang mengandungi lampiran khusus untuk ibu bapa mengenai makanan dan sayuran

mentah yang untuk keluarga, selain sebanyak 115 jenis resipi mudah dan tips kesihatan untuk kehidupan yang bertenaga.

Dalam Sidang Media yang menjelaskan mengenai pelbagai aktiviti interaktif tersebut, pnsyarah dari Universiti Brunei Darussalam, Dr. Gianluca Polgar pula menjelaskan mengenai ikan warisan Negara Brunei Darussalam iaitu ikan tembakul yang merupakan haiwan yang terancam di seluruh rantau Asia Tenggara.

Brunei, katanya adalah di antara negara yang masih memiliki habitat tersebut dan menurutnya, ia adalah penting untuk memahaminya sebelum terlambat.

Antara aktiviti yang akan diadakan pada hari tersebut ialah aktiviti mewarna, bilik interaktif tentang kehidupan marin dari Kumpulan BRUWild berserta klip video kehidupan marin untuk pengetahuan kanak-kanak di mana mereka yang hadir juga akan berpeluang melihat ikan tembakul secara langsung.

Hadir pada Sidang Media tersebut Pengurus Pemasaran Qidiaku,



ANTARA pengendali aktiviti interaktif yang akan diadakan pada hari Ahad, 15 Februari 2015 di Qidiaku, Tingkat 1, Citis Square Mall.

Caroline E. Abrigo; Pihak Berkuasa Ikan Tembakul, Dr. Gianluca Polgar;

Kumpulan BruWILD; Konsultan Pemakanan United Kingdom dari Raw Astera, Siti Kaprawi dan Pakar Food Asia, Mewsum Wong.

RBC lancar kad *privilege*, laman sesawang

Berita dan Foto :
Ak. Jefferi Pg. Durahman



PEMANGKU Pengurus Besar Royal Brunei Catering (RBC), Pengiran Haji Abd. Rahman bin Pengiran Haji Mat Salleh (tengah) bergambar ramai selepas melancarkan Kad Privilege RBC yang baharu.



KAD Dining Privilege RBC yang baharu.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 Februari. - Royal Brunei Catering (RBC) dalam usaha mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatannya kepada para pelanggan dan juga orang ramai telah melakar satu lagi sejarah dengan melancarkan kad Royal Brunei Catering Dining Privilege Card (RBC DPC) dan laman sesawang, bertempat di Anjung Saujana & Cilantro,

Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Berakas, di sini.

Majlis dihadiri oleh Pemangku Pengurus Besar RBC, Pengiran Haji Abd. Rahman bin Pengiran Haji Mat Salleh yang juga selaku tetamu kehormat dan seterusnya melancarkan perasmian kad dan laman sesawang RBC DPC tersebut.

Acara juga diteruskan dengan Majlis Penghargaan Minum Petang bersama para media dan penyampaian sijil-sijil penghargaan kepada setiap wakil media di negara ini.

Kad RBC DPC merupakan kad istimewa untuk para pelanggan RBC menikmati setiap apa yang dijamu di mana-mana cawangan RBC di negara ini, selain itu ia merupakan kad penghargaan RBC kepada pelanggan-pelanggan mereka yang membuat

perbelanjaan minimum sebanyak BND88 di mana-mana restoran cawangan RBC, baik bagi yang baru menjadi ahli kepada kad RBC DPC mahupun yang memperbaharui kad-kad mereka.

Dengan memiliki kad RBC DPC, pengguna kad tersebut juga layak menikmati manfaat yang sedia ada daripada kad tersebut

Dengan terciptanya laman sesawang RBC DPC, ia mampu mengikat satu hubungan yang erat di antara RBC bersama para pelanggannya yang pelbagai peringkat. Dengan terdapatnya laman sesawang ini juga para pelanggan RBC juga berupaya membuat kunjungan ke laman tersebut untuk mendapatkan info-info terkini berhubung kait dengan promosi-promosi serta berita-berita dan acara-acara terkini.

UNISSA rasmi jadi ahli APUCEN

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 5 Februari. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) secara rasminya menjadi ahli Asia-Pacific University-Community Engagement Network (APUCEN) yang merupakan sebuah rangkaian serantau institusi pengajian tinggi di bawah kendalian Universiti Sains Malaysia (USM) dalam usaha mempromosikan budaya penglibatan universiti-komuniti secara proaktif, inklusif dan holistik.

Pembinaan APUCEN didorong oleh keyakinan yang tinggi bahawa institusi pengajian tinggi dan masyarakat boleh bersatu untuk bekerjasama mewujudkan pengetahuan dalam meningkatkan persekitaran sosialisasi, ekonomi yang mampan dan masyarakat yang bersatu di rantau Asia Pasifik.

Sehingga kini, keahlian APUCEN mencecah 70 ahli daripada institusi pengajian tinggi terkemuka rantau Asia Pasifik.

Penyertaan UNISSA dalam jaringan kerjasama ini merupakan usaha berterusan universiti tersebut ke arah meningkatkan reputasi dan kedudukannya melalui penyertaan serta bergerak aktif di peringkat serantau dan antarabangsa sesuai dengan pelan strategik UNISSA.

Dewan ketibaan baru LTAB mampu kendali 1,330 bagasi

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 6 Februari. - Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKEB) dan Jabatan Penerbangan Awam (JPA), Kementerian Perhubungan mengumumkan operasi baru dewan ketibaan menuntut semula bagasi dan kawasan pelepasan kastam di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) bermula hari Isnin, 9 Februari 2015.

Ini dijangka dapat memudahkan para penumpang yang kini boleh menuntut beg daftar masuk mereka dari ruang ketibaan baru menuntut semula bagasi karusel dan menjalani proses pelepasan kastam dalam kawasan yang diubah suai sebagai sebahagian daripada projek pemodenan terminal.

Menurut Siaran Akhbar LKEB, sistem ketibaan bagasi baru mampu mengendalikan sehingga 1,330 beg sejam yang merupakan kemuncak waktu kapasiti penumpang yang direka untuk projek pemodenan terminal lapangan terbang, terdapat peningkatan 50 peratus kapasiti sistem yang sedia ada.

Pembukaan dua daripada tiga karusel akan dapat mencapai kapasiti waktu kemuncak manakala karusel yang ketiga yang dijadual lewat siap akan menyediakan kebolehpercayaan lagi kepada sistem berkenaan.

Dewan ketibaan baru tuntutan bagasi telah meningkat daripada 1,165 meter persegi yang asal kepada kira-kira 1,800 meter persegi.

Dengan ini, sistem pengendalian bagasi LTAB yang dimodenkan kini setanding dengan lapangan terbang antarabangsa lain di rantau ini.

Scmentara Projek Pemodenan Terminal Lapangan Terbang mencecah satu lagi pencapaian utama, LKEB dan JPA ingin sekali lagi memohon kerjasama dan sokongan berterusan daripada penumpang dan pengguna lapangan terbang serta memohon maaf atas sebarang kesulitan dan ketidakefektifan disebabkan kerja-kerja berterusan yang dijalankan.